



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 24 OKTOBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KABINET SETUJU DIADAKAN PAVILION NEGERI PADA PERSIDANGAN ASEAN, HM -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PENYELAM BAWA NAIK 100kg PUKAT HANTU, DUNGUN, SH -28	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	FAMA PREPARED TO IMPORT VEGETABLES FOLLOWING BAD WEATHER, MSN.COM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	BANJIR KEDAH: LPP MOHON RM7 JUTA BANTU PETANI TERJEJAS, BULETIN TV3 -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	TERENGGANU PASTIKAN BEKALAN IKAN CUKUP, TIMUR, HAKAKAH -18	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	KELANTAN BANTU KADA ATASI MASALAH PENGAIRAN, TIMUR, HAKAKAH -H16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
7.	NAFAS PERKUKUH JENAMA, TATAKELOLA, WILAYAHKU.COM -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8.	EKOSISTEM PERTANIAN BAIK DARI INOVASI VARIETI TANAMAN, RAKAN SARAWAK -ONLINE	LAIN-LAIN
9.	KE MANA BEAS TEMPATAN MENGHILANG?, NASIONAL, HAKAKAH -H5	
10.	RM6b SET TO BOOST SABAH PADI INDUSTRY, NATIONAL, THE SUN -4	
11.	PETIK SENDIRI BUAH TIN LADANG BENEFITS, GAYA TANI, UM -26	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Kabinet setuju diadakan Pavilion Negeri pada Persidangan Asean



MOHAMAD Sabu. FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Kabinet bersetuju Pavilion Negeri diadakan pada persidangan ASEAN yang dipengerusikan Malaysia tahun depan, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata perkara yang diputuskan tiga minggu lepas itu ialah penghargaan kerajaan atas

kejayaan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang diterajui kementerian berkenaan.

"Atas kejayaan MAHA yang menarik 5.5 juta pengunjung, maka Kabinet mengatakan Pavilion Negeri hendaklah dibuka semasa persidangan ASEAN, supaya ia dijadikan kunjungan delegasi ASEAN di situ.

"... sebanyak 14 negeri akan diminta (terlibat) dan sekarang ini pegawai-pegawai (kementerian) sedang melakukan libat urus dengan kerajaan negeri untuk membuka pavilion itu," katanya selepas menghadiri Majlis Apresiasi bersama Media bersempena dengan MAHA 2024 di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Arthur Joseph

Kurup dan Ketua Setiausaha kementerian Datuk Seri Isham Ishak.

Terdahulu, Menteri Komunikasi yang juga Jurucakap Kerajaan Perpaduan Fahmi Fadzil pada sidang media selepas mesyuarat Kabinet pada September lepas memaklumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi meminta beberapa pavilion rumah negeri yang dibina di sekitar pekarangan kawasan MAHA dipertimbangkan untuk dikekalkan.

Fahmi berkata memandangkan Malaysia akan menjadi tuan rumah ASEAN tahun depan, maka pavilion negeri itu boleh menjadi tapak lawatan bagi delegasi yang datang ke negara ini.

Ditanya mengenai sasaran bagi penganjuran MAHA yang bakal diadakan pada 2026, Mohamad berkata beliau meletakkan sasaran untuk menggiatkan program MAHA Go Global, dianjurkan julung kali pada tahun ini, bagi merancakkan pemasaran barang keluaran Malaysia pada peringkat antarabangsa.

MAHA 2024 yang berlangsung di MAEPS dari 11 hingga 22 Sept merekodkan jualan melebihi RM48.5 juta serta nilai Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) lebih RM7.2 bilion.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2024	SINAR HARIAN	DUNGUN	28



Shafuan (dua dari kanan) bersama kumpulan penyelam yang berjaya membawa naik pukatan hantu seberat lebih 100kg ketika aktiviti pembersihan dasar laut di perairan Pulau Tenggol, baru-baru ini.

Penyelam bawa naik 100kg pukatan hantu

DUNGUN - Sekumpulan penyelam yang menyertai aktiviti membersihkan dasar laut berjaya menaikkan pukatan hantu seberat lebih 100 kilogram (kg) yang di-kesan tersangkut di kawasan terumbu karang dekat perairan Pulau Tenggol di sini.

Seorang penyelam, Shafuan Zainuddin, 50, berkata, proses pembersihan itu dijalankan pada 14 Oktober lalu selepas pihaknya mengesan kewujudan pukatan tersebut ketika melakukan aktiviti selaman di lokasi berkenaan.

Menurutnya, pukatan jenis jerut itu dipercayai hanyut ke kawasan berkenaan sebelum tersangkut di kawasan berbatu yang menjadi

habitat terumbu karang, sekali gus mengancam hidupan marin. "Pukatan hantu ini mula dikesan pada 7 Oktober lalu dan kita berjaya menaikkan ke darat seminggu kemudian. Ia adalah pukatan kelima dibawa naik sejak kami jalankan operasi pembersihan dasar laut bermula tahun lepas.

"Kami mengesan kedudukan pukatan itu pada jarak 15 hingga 24 meter dari permukaan di mana terdapat banyak spesies hidupan laut termasuk ikan yang masih baru telah mati akibat terperangkap pada pukatan tersebut," katanya ketika dihubungi di sini, pada Rabu.

Shafuan berkata, operasi membawa naik pukatan tersebut dari dasar laut ke daratan mengambil masa kira-kira satu jam.

Beliau yang juga pemilik CWS Travel & Adventure Sdn Bhd berkata, pihaknya telah memaklumkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Majlis Perbandaran Dungun serta Tourism Malaysia Terengganu berhubung aktiviti pembersihan itu.

Shafuan memberitahu, ia bagi memastikan jaminan terhadap aspek keselamatan kesemua tujuh penyelam yang terlibat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2024	MSN.COM	ONLINE	

Fama prepared to import more vegetables following bad weather



Fama may look at farms in Selangor and Johor for its supply of vegetables if there is a shortage in Cameron Highlands, said its chairman. © Provided by Free Malaysia Today

PETALING JAYA: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) is prepared to import more vegetables in light of the unpredictable weather conditions which have affected

production in Cameron Highlands.

Cameron Highlands Malay Farmers Association chairman Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid previously said unpredictable weather conditions have caused fungal diseases leading to a 20% to 50% surge in vegetable prices.

Earlier this month, Syed Abd Rahman told Berita Harian that vegetable prices are expected to triple over the next two months because of the northeast monsoon, which is forecast to bring heavy rain and flooding in several areas nationwide.

He noted that the prices of tomatoes, leeks, kailan, mustard greens, pak choy, cucumbers, eggplant and chickpeas have already increased by up to 50% because of the bad weather.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Banjir Kedah: LPP mohon RM7 juta bantu petani terjejas



Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar bersama penerima pada Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (Kemarau) dan Penyerahan Peruntukan RMK12 RP4 Program Ladang Benih Padi di Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, hari ini. – FOTO: NSTP

ALOR SETAR: Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) memohon peruntukan hampir RM7 juta daripada kerajaan untuk diagihkan kepada 767 pesawah terjejas banjir bulan lalu.

Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar, berkata kerosakan kawasan sawah itu membabitkan keluasan seluas 1,461 hektar di 13 pertubuhan peladang kawasan (PPK) seluruh Kedah.

Bantuan itu sangat penting bagi petani terbabit memulakan musim tanaman kedua yang dijangka bermula hujung bulan ini, katanya.

“Antara PPK yang terjejas adalah Langkawi, Pendang Selatan, Kubur Panjang, Gurun, Pokok Sena, Kuala Nerang, Naka, Padang Serai, Kuala Nerang, Kuala Ketil, Lubuk Batu, Changlun dan selatan Kuala Muda.

“Mereka ini perlukan modal untuk mulakan penanaman, jika tidak mereka terpaksa menanggung lebih banyak hutang untuk memulakan tanaman padi musim seterusnya.

“Saya harap peruntukan ini disegerakan kerana masalah banjir ini agak besar dan kerugian agak teruk. Padi hampir dituai dan petani tidak dapat hasil apa. Kita minta percepatkan permohonan bantuan itu,” katanya.

Beliau ditemui selepas Majlis Penyerahan Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (Kemarau) dan Penyerahan Peruntukan RMK12 RP4 Program Ladang Benih Padi di Auditorium Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, hari ini.

Mahfuz berkata, LPP Kedah juga menyalurkan bantuan awal berupa bantuan bakul makanan kepada hampir 1,000 penerima.

Selain itu, katanya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meluluskan peruntukan melalui Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi berjumlah RM1.29 juta kepada 887 orang pesawah membabitkan 1,649 hektar di kawasan luar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2024	HARAKAH	TIMUR	H18



Ir Saiful Azmi Suhaili menyampaikan peralatan menangkap ikan.

Terengganu pastikan bekalan ikan cukup

DUNGUN: Seramai 84 nelayan dari daerah Dungun dan Kemaman menerima bantuan peralatan menangkap ikan yang disumbang kerajaan negeri.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri, Ir Saiful Azmi Suhaili berkata, bantuan itu bagi meringankan beban nelayan.

Katanya bantuan terbabit sebahagian daripada peruntukan RM300,000 yang disalurkan untuk nelayan pantai

di seluruh negeri.

"Antara peralatan yang diagihkan seperti 'fish finder', pukot tangsi dan kawat bubu.

"Bantuan ini juga bagi memastikan bekalan ikan di Terengganu mencukupi," katanya ketika merasmikan majlis Penyerahan Unjam Daerah Dungun dan Bantuan Peralatan di Pengkalan Seberang Pintasan, pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat dan Timbalan Pengarah Lembaga Kemajuan

Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu, Amran Hashim.

Kata beliau, kerajaan negeri menyalurkan peruntukan sebanyak RM50,000 untuk pembangunan unjam kepada Jabatan Perikanan bagi menambah sumber ikan.

Sempena program itu Saiful turut menyempurnakan upacara melabuh 40 unjam di perairan pantai Seberang Pintasan.

Sejak 2018 sebanyak 1,016 unit unjam dilabuhkan di seluruh perairan Terengganu melibatkan kos RM540,000.

Kelantan bantu KADA atasi masalah pengairan

MUKADIMAH

KEMARAU panjang yang berlaku akibat perubahan iklim sebelum ini menjejaskan sektor pertanian. Seramai 3,587 pesawah di Kelantan turut terjejas akibat kemarau Mac lalu. Tahun ini hanya 25 peratus pesawah boleh menanam padi pada musim pertama disebabkan masalah pengairan. Pengairan sawah di bawah tanggungjawab Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Masalah tersebut menjejaskan hampir 8,900 hektar sawah padi. Oleh itu, bagi mendapat gambaran lebih jelas mengenainya ikuti temubual LANJUSOH dan MUHAMMAD ARIF ISMAIL bersama anggota Exco Kerajaan Negeri, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika ditemui baru-baru ini.



HARAKAH: Sebelum ini Kelantan mengeluarkan beras melebihi sara diri penduduk tempatan, adakah perkara itu terjejas ekoran banyak sawah tidak dapat diusahakan akibat kemarau panjang?

TUAN MOHD SARIPUDIN: Memang diakui Kelantan merupakan jelapang makanan negara khususnya padi iaitu kedua selepas Kedah, di mana keluasan sawah boleh ditanam padi melebihi 40,000 hektar.

Ada empat agensi terlibat berkaitan tanaman padi, paling besar ialah KADA, selain itu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), IADA Kemasin Semarak dan Jabatan Pertanian.

Di bawah KADA sekarang ada 26,000 hektar tanah padi yang masih boleh menampung keperluan rakyat Kelantan.

Pengeluaran padi di Kelantan melebihi tahap sara diri. Pernah kita mencapai 200 peratus, cuma sejak akhir-akhir ini pengeluaran padi berkurangan kerana dilanda musibah global iaitu perubahan cuaca dan iklim menyebabkan berlaku ketidakcukupan bekalan air.

Sejak dua tahun lepas paras air Sungai Kelantan surut sehingga stesen pam KADA di Kemubu 1 dan dan Kemubu 2 tidak boleh berfungsi sepenuhnya. Hanya paras air sungai meningkat sehingga 3 meter lebih baru pam KADA boleh berfungsi dengan baik.

Tahun ini antara tahun paling kritikal pernah direkod air Sungai Kelantan surut sehingga 1.6 meter. Bagi mengatasi masalah itu Stesen Pam Kemubu 3 sedang dibina.

Pam Kemubu 3 muka sauk penyedut dibina untuk paras sungai 2 meter akan dilengkapi teknologi terkini. Kalau paras air rendah mungkin me-

nyebabkan disedut pasir dan selut.

Kemarau yang berlaku tahun lepas dan tahun ini menyebabkan ada kawasan yang tidak boleh ditanam padi kerana tidak cukup bekalan air.

Kebanyakan kawasan pertanian di bawah KADA dan bergantung sumber air dari Sungai Kelantan. Pelbagai inisiatif dibuat kerajaan negeri dan pusat bagi mencari jalan penyelesaian.

ada sumber air yang disedut menggunakan pam bergerak berkuasa tinggi.

Namun, sawah di kawasan Kota Bharu dan Pasir Puteh tidak sampai air bagi mengairi sawah.

Kerajaan pernah menganjur seminar dan sebagainya untuk mencari penyelesaian isu tersebut. Purata hasil padi di Kelantan di bawah pengawasan KADA antara 4 hingga 5 tan per hektar.

puran dolomite supaya ph tanah lebih sesuai.

Penggunaan baja berkualiti bukan hanya baja urea tetapi foliar iaitu baja sembur. Kita gabungkan dengan teknik teknik moden dan menggunakan teknologi dron pertanian dan sebagainya.

Jadual penanaman padi pula disusun mengikut kesesuaian tarikh dan masa yang boleh tanam padi apabila ada air.

apabila penghadang itu rosak menyebabkan air tidak dapat disedut pam. Kita juga merakam ucapan terima kasih kepada kementerian yang memberi kerjasama bagi mengatasi masalah tersebut.

Kerajaan negeri melalui mesyuarat Exco sebelum ini memberi kebenaran kepada KADA untuk memperbaiki sheet pile tersebut supaya boleh menyekat air di Sungai Kelantan sehingga paras lima meter.

Sheet pile yang hendak dibina dipastikan tidak melanggar enakmen sedia ada. Sheet pile yang dibaiki mesti mendapat pengesahan pakar teknikal JPS dan Jabatan Sumber Air Kelantan supaya boleh memenuhi keperluan pertanian dan mengawal tebing sungai daripada runtuh. Projek itu dijangka siap awal tahun hadapan.

Adakah keluasan bendang di Kelantan semakin mengecil?

Ada sawah di bawah KADA terbabit dengan pembangunan termasuk projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan jajaran lebuh raya. Ada sawah bertukar status kepada kawasan pembangunan.

Sehingga sekarang lebih 10,000 hektar terbabit dengan pembangunan termasuk kawasan yang terletak di tepi jalan.

Kita juga harap sawah tidak berkurangan lagi selepas ini denganewartakan kawasan yang aktif padi supaya tidak boleh diganggu bagi menjamin keselamatan makanan bagi keperluan negeri dan negara.

Selain itu berlaku musibah banjir sehingga merosakkan sawah. Masalah yang berlaku di sebelah selatan, utara dan tengah Kota Bharu berbeza dengan sebelah Pasir Mas, Bachok dan Pasir Puteh.



Stesen pam KADA di Kemubu.

Kerajaan negeri dan pusat melalui KADA, JPS, Jabatan Pertanian dan IADA Kemasin Semarak berganding bahu memastikan pengairan dan saliran untuk padi ini boleh dibangunkan.

Bagaimana pula pengeluaran padi?

Dua tahun ini pengeluaran padi menurun biar pun kita pernah mencatat sehingga 218 peratus tetapi sejak tahun 2022 telah menurun.

KADA pada kenyataan pernah menyebut sekitar 40 peratus sawah tidak boleh ditanam padi kecuali kawasan yang

Namun pengeluaran padi di Sungai Besar Sekinchan, Selangor, Kedah dan Perlis meningkat sehingga 8 dan 10 tan per hektar.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memperkenalkan Smart Sawah Berskala Besar (SBB) ala Sekinchan yang menitik beratkan kualiti penanaman padi yang boleh memberi hasil lebih banyak.

Sekarang ini beberapa Smart SBB yang dilaksanakan dan berjaya, di samping menggunakan teknologi baharu bagi pemuliharaan tanah. Tanah perlu dirawat dengan baja perka-

Program itu sedang berjalan dan mungkin tahun depan apabila siap pam Kemubu 3 ia boleh menyedut air walaupun Sungai Kelantan mungkin surut.

Apa masalah yang stesen Pam KADA hadapi?

Kerajaan negeri dan kementerian berbincang beberapa kali termasuk dengan KADA. Isu pam Kemubu KADA kerana berlaku kerosakan sheet pile iaitu penghadang air yang merentasi Sungai Kelantan.

Penghadang air itu sudah berusia lebih 40 tahun selepas dibina tahun 1980-an, jadi

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2024	WILAYAHKU.COM	ONLINE	

NAFAS perkukuh jenama, tatakelola



MUHAMMAD FARIS mahu mengangkat NAFAS setanding dengan koperasi-koperasi pertanian yang berjaya di luar negara.

DITUBUHKAN pada 1972, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kini mengorak langkah baharu bagi mengukuhkan 'jenama' mottonya 'dari peladang untuk peladang'.

Melalui lantikan pakar teknologi dan pengurusan korporat, **Muhammad Faris Arriffin** sebagai Pengurus Besar yang baharu, NAFAS tidak lagi boleh sekadar berada di zon selesa.

Itulah cabaran dipikul Muhammad Faris di usia 52 tahun NAFAS apabila banyak pertubuhan peladang yang bernaung di bawahnya belum lagi mampu *self independent* atau berdikari.

Akui beliau majoritinya masih memerlukan bantuan kerajaan yang disalurkan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Sehingga hari ini, NAFAS disertai 14 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), 280 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan dianggotai 930,000 ahli peladang di seluruh negara.

Satu jumlah yang besar dan berstruktur namun tegas Muhammad Faris, beliau mahukan NAFAS menjadi 'gergasi' dalam sektor pertanian mahupun keterjaminan makanan.

Di sebalik semuanya itu katanya ia bukan tugas mudah kerana memerlukan satu reformasi organisasi dan juga perubahan dari segi pemikiran dan budaya kerja.

Cita-cita beliau cukup tinggi terhadap NAFAS, mahu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan koperasi-koperasi petani ternama luar negara yang amat berjaya. Contohnya Fonterra di New Zealand; Zen-Noh (Jepun) dan koperasi-koperasi petani di Taiwan, Korea Selatan serta Australia.

"Wesfarmers dari Australia menjadi sampai konglomerat yang besar. Kenapa kita (NAFAS) tidak boleh sampai tahap mereka yang berjaya? Umur (usia penubuhan) mereka pun lebih kurang kita. Di mana silapnya?

"Sampai sekarang kerajaan masih lebih 'menongkat' pertubuhan peladang. Sebenarnya kita boleh bergerak jauh ke depan," katanya kepada Wilayahku.

Beliau memberitahu, setahun selepas diberi mandat untuk membuat pembaharuan pada NAFAS, pertubuhan peladang itu bertindak menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemantapan Tatakelola bagi meningkatkan profesionalismenya.

"Kita cuba memenuhi hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai tatakelola. Ia (jawatankuasa khas) dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan dianggotai wakil-wakil dari Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Ia berkaitan piagam ahli lembaga pengarah, tugas-tugas mereka dan apa pula tugas pengurusan kerana ketika ini semuanya tak jelas. Perlunya satu lantikan pengurusan yang profesional, barulah (NAFAS) boleh bergerak macam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang hebat.

"Inilah antara perubahannya kerana kita dapat suntikan dana daripada kerajaan, itu duit kerajaan, duit rakyat. Ini kita mahu tukar *mindset*," tegasnya.

STRUKTUR BISNES NAFAS

Bercakap mengenai lapangan bisnes NAFAS, Muhammad Faris berkata lebih 95 peratus janaan pendapatan NAFAS adalah daripada kontrak baja subsidi manakala selebihnya adalah perniagaan-perniagaan lain.

Katanya, kilang baja milik NAFAS di Gurun, Kedah di bawah Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd merupakan syarikat usaha sama NAFAS, PPN, PPK, ahli-ahli peladang dan Petronas Fertilizer Kedah Sdn Bhd yang mula beroperasi pada 2004.

Ia menjalankan aktiviti pengilangan baja dengan memproses pelbagai jenis baja antaranya Padi 1 dan Padi 2 di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) serta Baja NPK Tambahan di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP).

Kilang itu mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 340,000 tan metrik setahun dengan keupayaan penghasilan 12 formulasi baja.

Kemudiannya jelas Muhammad Faris, NAFAS memiliki NAFAS Bajakimia Sdn Bhd bertanggungjawab dalam mengimport, mengangkut dan mengagihkan bekalan baja tunggal dan baja sebatian kepada peladang-peladang di seluruh Malaysia, khususnya dalam bidang penanaman padi.

NAFAS Agri Services Sdn Bhd pula menjalankan aktiviti memasarkan pelbagai input pertanian manakala NAFAS Plastic Industries merupakan syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti dan perniagaan penghasilan pelbagai jenis produk yang berasaskan plastik dan bahan pembungkusan.

Untuk bisnes ayam katanya, NAFAS memiliki tiga anak syarikat iaitu NAFAS Food Processing & Marketing Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti memproses ayam dan NAFAS mempunyai kilang memproses ayam di Sungai Bakap, Pulau Pinang selain NAFAS Feedmills Sdn Bhd iaitu kilang membuat makanan ayam di Muar dan Medan Juara Sdn Bhd, kilang mengeluarkan anak ayam daging di Kota Tinggi.

Di sebalik semuanya itu, Muhammad Faris amat berbangga dengan langkah NAFAS melancarkan Dana Peladang Kebangsaan (DPK) yang menyediakan perkhidmatan kewangan kompetitif kepada ahli dan rangkaian pertubuhan peladang (PP) di seluruh negara.

"Ideanya sama macam amanah saham tetapi ini spesifik untuk ahli peladang dan dana diurus oleh profesional. Bermula 2012, kita punya pulangan purata lapan ke 10 peratus dan tahun lepas kita umum sembilan peratus dividen.

"Ini adalah kelebihan menjadi ahli peladang. Total pengurusan aset ketika ini lebih RM300 juta dan ia salah satu kebanggaan kepada pertubuhan peladang," katanya.

Bercakap mengenai industri sawit, katanya, NAFAS juga memiliki anak syarikat dalam penanaman sawit termasuk di Aceh, Indonesia.

NAFAS juga jelasnya merupakan pengedar eksklusif jentera jenama Case untuk traktor pertanian selain menjadi pusat utama pemasaran produk-produk agromakanan jenama Peladang.

"Semuanya ini menyumbang lima peratus kepada pendapatan NAFAS. Tetapi kadang-kadang yang lima peratus ini boleh mendatangkan keuntungan besar jika diurus dengan baik.

"Bila saya masuk ke dalam NAFAS, saya ditugaskan untuk buat semula penstrukturan korporat kerana kita berdepan dengan kelemahan pengurusan. Kerugian terkumpul pada syarikat-syarikat subsidiari amat menyedihkan. Jadi semuanya ini kita nak kena perbetulkan, kena buat plan bisnes yang baru," katanya.

PERTANIAN BANDAR

Kepada soalan mengenai aspek pertanian bandar, katanya di Kuala Lumpur, sebagai contoh, masih belum ditubuhkan PPN atau PPK.

"Kita dalam proses untuk menarik minat orang ramai menubuhkannya terutama dengan pertumbuhan teknologi di mana kita boleh buat pertanian dalam bandar, tak perlu tanah.

"Dengan adanya teknologi, kita boleh buat *indoor* akuakultur, *indoor* rumah hijau atau pertanian dalam bandar.

"Jadinya sekarang kita perluaskan skop ini kepada produk-produk makanan berasaskan pertanian dan ia pun boleh menjadi sebagai satu kriteria menjadi ahli pertubuhan peladang," katanya.

Mengenai minat anak muda kepada sektor pertanian pula, beliau berkata ramai daripada golongan itu minat kepada sektor berkenaan disebabkan adanya perkembangan teknologi.

"Teknologi dron, amat menarik minat anak muda menceburi pertanian. Semuanya boleh dilakukan dengan teknologi jika hendak mengawal selia pertanian," katanya. – **WILAYAHKU**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/10/2024	RAKAN SARAWAK	ONLINE	

Ekosistem Pertanian Baik Dari Inovasi Varieti Tanaman



Inovasi dalam varieti tanaman penting untuk memenuhi keperluan dan cabaran baharu dalam sektor pertanian

Inovasi dalam varieti tanaman merujuk kepada pengembangan dan penambahbaikan jenis tanaman untuk memenuhi keperluan dan cabaran baharu dalam sektor pertanian.

Dalam konteks pertanian moden, inovasi ini melibatkan penggunaan teknologi terkini, pemuliaan tanaman, dan teknik bioteknologi.

Tujuan utamanya adalah untuk menghasilkan varieti yang lebih tahan terhadap penyakit, perubahan iklim, dan pelbagai tekanan lain selain untuk meningkatkan hasil dan kualiti tanaman.

Inovasi ini bukan hanya terhad kepada penemuan saintifik, tetapi juga melibatkan pendekatan kreatif dalam pengurusan pertanian.

Misalnya, pengenalan amalan pertanian yang lebih baik seperti penggunaan sistem pengairan pintar dan teknik pemupukan yang efisien.

Melalui amalan ini, hasil tanaman dapat ditingkatkan tanpa memerlukan kawasan pertanian yang lebih besar secara tidak langsung, ia telah menyelesaikan isu penggunaan tanah yang semakin berkurang.

Dalam konteks Sarawak, antara varieti tanaman yang sedang diberi perhatian utama ialah varieti padi.



Padi antara inovasi varieti tanaman yang sedang diberi tumpuan oleh Sarawak ketika ini

Varieti padi yang terpilih adalah berdasarkan mutunya yang tinggi terutama dari segi aroma, mutu makan, saiz beras, ketahanan terhadap penyakit (terutama penyakit karah) serta serangan serangga, ketahanan terhadap kemarau, ketahanan terhadap kekurangan zat tanah, tempoh matang dan kuantiti hasil.

Varieti terpilih yang mempunyai aroma wangi dan mutu makan yang baik ialah varieti Biris dan Wai (Rotan) yang mempunyai tempoh matang selama 5½ bulan dengan hasilnya adalah 3.0 – 4.5 tan/ha.

Walau bagaimanapun, varieti ini mudah dijangkiti penyakit 'karah' dan pengawalan terhadap penyakit perlu dititikberatkan.

Varieti lain untuk mutu makan yang baik tetapi tidak mempunyai aroma ialah Adan (Bario), Mahsuri Mutant dan Jarum Mas yang mempunyai tempoh matang $2\frac{1}{2}$ – $5\frac{1}{2}$ bulan sementara hasilnya adalah sebanyak 2.5 – 4.0 tan/ha.

Manakala, varieti yang sesuai untuk kawasan kerap dilanda kemarau atau sukar mendapat bekalan air serta tanah kurang subur tergolong dalam kumpulan Varieti Jangka Panjang (*Long Term Variety*) iaitu padi varieti Kara 1 dan Lasak, Serendah Kuning, Baru 3 dan Acheh 62.

Kara 1 dan Lasak adalah varieti tempatan manakala yang selebihnya adalah dari negara lain namun kesemuanya mengambil masa lebih dari 5 bulan untuk matang, malah varieti-varieti ini tumbuh tinggi serta mampu bersaing dengan rumpai.

Varieti-varieti yang disyorkan untuk sistem padi sawah ialah seperti MR27 (Kadaria), MR30, MR52 (Manik) dan Mahsuri Line 17 kerana ia tahan penyakit, serangan perosak, tempoh matang pendek dan hasil tinggi.

Walau bagaimanapun, varieti-varieti ini tidak sesuai untuk kawasan yang kurang baik pengairannya sama ada kerap kemarau atau banjir dengan tempoh matang 4 – $4\frac{1}{2}$ bulan sementara hasil pula tinggi iaitu 3 – 5 tan/ha.

Tempoh matang pendek dan hasil tinggi varieti-varieti ini merupakan Varieti Jangka Pendek (*Short Term Variety*) yang sesuai untuk tanaman dua kali setahun kerana tempoh matangnya 5 bulan atau kurang.

Sumber: Booklet No.28-D (BM); Varieti-varieti Padi Untuk Sarawak, Unit Editorial, Jabatan Pertanian Sarawak.

Dengan pengembangan varieti baharu, pengeluaran makanan dapat meningkat secara signifikan dan ini sangat penting untuk menyokong populasi dunia yang semakin meningkat.

Dengan ramalan bahawa populasi global akan mencapai hampir 10 bilion menjelang 2050, keperluan untuk pengeluaran makanan yang lebih tinggi menjadi semakin mendesak.

Selain itu, inovasi dalam varieti makanan ini juga sangat penting dari aspek ketahanan terhadap perubahan iklim.

Inovasi dalam varieti tanaman membolehkan pengeluaran tanaman yang lebih tahan terhadap perubahan cuaca ekstrem seperti kemarau dan banjir.

Varieti yang tahan ini membolehkan petani menjalankan kegiatan pertanian mereka secara berterusan walaupun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, secara tidak langsung akan dapat menjadikan pertanian lebih berdaya tahan.

Ia juga dapat mengurangkan penggunaan 'pestisida' di mana varieti yang tahan terhadap penyakit dan serangga perosak mengurangkan keperluan penggunaan racun kimia menjadikan pertanian lebih mesra alam.

Ini bukan sahaja menguntungkan petani tetapi juga mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Paling penting ialah, adanya inovasi dalam varieti tanaman ini akan membantu meningkatkan kualiti makanan kerana inovasi dalam varieti tanaman tidak hanya tertumpu pada kuantiti, tetapi juga kualiti.

Varieti baharu sering kali mempunyai nilai nutrisi yang lebih tinggi serta rasa dan tekstur yang lebih baik, justeru ini memberikan manfaat kepada pengguna dan meningkatkan pengalaman makanan secara keseluruhan.

Inovasi dalam varieti tanaman adalah elemen kritikal dalam usaha untuk memastikan keselamatan makanan global.



Inovasi dalam varieti tanaman dalam konteks pertanian moden selalunya melibatkan penggunaan teknologi terkini

Dengan memanfaatkan teknologi dan pengetahuan saintifik, kita dapat mengatasi cabaran besar dalam pertanian dan memastikan sumber makanan yang

mencukupi untuk generasi akan datang.

Melalui usaha berterusan dalam pemuliaan dan inovasi, kita mempunyai harapan untuk membina sistem pertanian yang lebih tahan, berkelanjutan, dan mampu menyokong kehidupan semua.

Ke mana beras tempatan menghilang?

Oleh **NORHAZWANI NOH**

KUALA LUMPUR:

"Apakah sampai rakyat perlu berdoa untuk kematian wakil rakyat mereka supaya mendapat kembalikan bekalan beras tempatan?" kata Dato' Ahmad Yahaya (Perikatan Nasional-Pokok Sena).

Beliau melahirkan kebimbangan itu berikutan krisis kekurangan beras tempatan di negara ini yang sama-

kin serius.

Menurutnya, ketika menziarahi mangsa banjir baru-baru ini, ramai rakyat menyuarakan keresahan mereka berhubung ketiadaan beras tempatan.

"Dalam keadaan kritis demikian, maka apa yang menjadi keutamaan kepada kita adalah soal makanan, terutama beras.

"Sangat mendukacitakan apabila bekalan beras tempatan di-

pasaran domestik terus menghilang dan tidak ditangani dengan cermat oleh kementerian, sedangkan data menunjukkan pengeluaran beras tempatan pada 2023 adalah 1.4 juta tan, menurun daripada 1.6 juta tan pada tahun 2022, manakala import beras adalah 1.3 juta tan," katanya ketika membahaskan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat.

Beliau yang juga Ke-



Dato' Ahmad Yahaya

tua Dewan Ulamak PAS Pusat berkata, keberuntungan Malaysia terhadap import dalam subsektor agromakanan juga semakin tinggi dan mencatatkan peningkatan mendadak dalam tempoh satu dekad.

Pada 2013, nilai im-

port sektor itu adalah RM38.8 bilion dan 10 tahun kemudian, nilai import melonjak kepada RM78.7 bilion.

"Walaupun dalam tempoh yang sama kerajaan mula merangka dasar keselamatan makanan yang semakin jitu, hakikatnya tahap

sara diri subsektor ini semakin jauh daripada apa yang diharapkan.

"Kita bimbang risiko ketidakpastian geopolitik dan pasaran global pada hari ini menyebabkan negara berhadapan krisis makanan yang semakin meruncing," katanya.

RM6b set to boost Sabah padi industry

LABUAN: The *padi* industry in Sabah is expected to benefit from various agricultural initiatives announced in Budget 2025, said Universiti Malaysia Sabah Assoc Prof Dr Bonaventure Boniface.

He said Sabah received a development allocation of RM6.7 billion, one of the highest among states, with notable attention given to the development of basic infrastructure and the agriculture sector.

He added that the funds would help build essential roads and irrigation systems to reduce logistics costs and improve the output of farmers.

"A major focus of the Budget is flood management, with the introduction of a flood mitigation plan.

"The plan aims to control flooding in *padi* fields, ensure stable water supply during droughts and prevent crop damage during rainy seasons."

Boniface, who is also a Sabah Padi and Rice Board member, said while no specific subsidies for *padi* were mentioned in Budget 2025, ongoing support for fertilisers, seeds and financial aid for farmers is anticipated.

"These are crucial to help small-scale farmers in Sabah cope with rising costs and remain competitive. The government is also promoting the use of drones and other modern technologies in agriculture to enhance efficiency and address the issue of labour shortages.

"This is expected to reduce reliance on human labour, which is a pressing challenge in Sabah's farming sector."

He stressed the importance of increased funding for research and development in *padi* cultivation, with the university positioned to lead these efforts.

He said the expansion of irrigation infrastructure is another critical area as the construction of dedicated irrigation systems for *padi* fields would improve water management, reduce dependence on rainfall and boost productivity.

"Training programmes for farmers in modern technologies, such as drones and automated equipment, are also being emphasised."

He suggested that the programmes be subsidised by the government to help farmers optimise yields with new farming techniques.

"There is a call for improvement in Sabah's *padi* market and supply chain systems. Establishing more collection and processing centres would provide farmers with better market access and reduce reliance on middlemen, who often take a significant portion of profits."

He added that the Budget also opens up the potential for Sabah to enter the global organic market. – Bernama

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
gayautusan@mediamula.com.my

BUAH dari syurga itulah gelaran buah tin yang disebut bersama buah zaitun di dalam kitab suci al Quran menerusi Surah At-Tin.

Buah tin yang turut dikenali sebagai buah ara merupakan antara tanaman terawal yang tumbuh di muka bumi beribu tahun dahulu.

Pengusaha buah tin dari Bukit Changgang Kuala Langat di sini, Mohd. Hafidz Ariffin, 39, mengambil keberkatan buah dengan mengusahkan ladang buah tin.

Ujarnya ada kira-kira 1,000 jenis buah tin yang bergantung kepada warna dan bentuk buah.

"Jika kita faham proses tumbesaran buah tin, ia tidak berbunga kerana segi lahiriahnya, buah tin adalah bunga yang berbentuk buah.

"Untuk menanam pokok ini bukan perkara yang sukar. Hanya siram sekali dalam sehari. Ia adalah pohon tahan cuaca panas.

"Cuma daunnya sensitif pada air, jadi jika hendak siram elak siram di atas daun," katanya pada lawatan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah ke Ladang Benefigs Kg. Olak Lempit baru-baru ini.

Ladang milik Mohd. Hafidz yang juga Pengarah Eksekutif Benefigs Arus Sdn.Bhd., itu kini menjadi produk agro pelancongan Daerah Kuala Langat yang berkonsep petik, timbang dan bawa pulang.

Antara spesies ditanam di dalam rumah hijau ladang tersebut adalah *Constantine De Algerie*, *Iraqi* dan *Masui Dauphine*.

Harga bagi setiap buah tin, berbeza mengikut jenis dan kualitinya.

Contohnya buah tin jenis *Masui Dauphine* atau dipanggil buah merah harganya RM65 sekilogram manakala *Iraqi* (buah berwarna hitam) dan *Constantine De Algerie* (buah kuning) masing-masing berharga RM100 sekilogram.

Ujar Mohd. Hafidz, konsep petik sendiri buah tin tersebut diinspirasi daripada kaedah sama diamalkan pekebun buah strawberi di Cameron Highland.

Sambutan diterima amat menggalakkan dengan paling ramai pengunjung adalah di ladang buah tin di Felda Sungai Tenggi Selatan Hulu Selangor, yang memecah ribuan orang setiap bulan.

Manakala ladang di Olak



BUAH tin spesies *Constantine De Algerie*, *Iraqi* dan *Masui Dauphine* antara ada di sini.

Petik sendiri buah tin di Ladang Benefigs

- TINGGI nutrien penting seperti vitamin, mineral, dan serat.
- SUMBER vitamin B kompleks, termasuk B1 (tiamin), B2 (riboflavin), B3 (niacin), B5 (asid pantotenik) dan B6 (piridoksin).

Lempit pengunjung adalah antara 15 hingga 20 orang sehari atau 600 orang sebulan.

PUSAT PENDIDIKAN

Bermula dengan konsep agro pelancongan, usahawan ini kini menjadikan ladangnya sebagai pusat pendidikan untuk sesiapa yang berminat belajar menanam buah tin.

"Saya kongsi ilmu menanam buah tin kepada mana-mana pihak yang berminat memandangkan ia mempunyai prospek pasaran



MOHD. HAFIDZ ARIFFIN

yang baik kerana khasiatnya daripada aspek pencernaan, menurunkan kolesterol, anti kanser dan sebagainya," katanya.

Mengulas mengenai pasaran buah tin beliau berkata, buah masa ini bekalan dari kelima-lima kawasan ladang selalu dua hektar miliknya tidak cukup untuk pasaran komersial di kedai dan pasaraya lantaran tidak ramai usahawan buah berkenaan di negara ini.

"Buat masa ini kami menjual di ladang dengan kaedah petik, timbang dan bayar. Buah tin kami boleh dipetik dan dimakan terus oleh pengunjung dengan bayaran RM5 sebiju.

"Saya berharap dengan adanya kursus jangka pendek penanaman buah tin, lebih ramai usahawan dapat diwujudkan.

“Untuk menanam pokok ini bukan perkara yang sukar. Hanya siram sekali dalam sehari. Ia adalah pohon tahan cuaca panas.”

MOHD. HAFIDZ ARIFFIN

Kuantiti pengeluaran dapat ditingkatkan dan buah tin dapat dipasarkan dengan lebih luas di dalam negara," ujarnya.

ADA FORMULA

Mengenai pengalaman mengusahakan ladang buah tin hampir sedekad, Mohd. Hafidz mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan formula tersendiri untuk menghasilkan buah berkualiti.

Malah, segala asas penanaman daripada peringkat benih dalam bentuk keratan batang, membaja, menyiram air hingga menyenggara tumbesaran dilakukan dengan formula dan uji kaji yang rapi.

"Semuanya kita dokumentasi dan menjadi SOP menyeluruh untuk menghasilkan 25 jenis buah tin di ladang saya. Ini yang ingin kita kongsi dengan usahawan tani bagi menjayakan misi meluaskan penanaman buah tin," katanya.

BANGGA PRODUK BARU

Abdul Razak melahirkan rasa bangga apabila ladang buah tin petik sendiri tersebut menjadi destinasi agro pelancongan utama di kawasan tersebut sejak beberapa tahun yang lalu.

Beliau yang juga Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) berkata, pihaknya sentiasa menyokong usahawan yang ingin menghasilkan tanaman baharu untuk pasaran tempatan dan luar negara.

"Kita ada usahawan cili merah, penternak ruminan bertaraf nasional dari Daerah Kuala Langat. Seluruh negara mengenali Kuala Langat sebagai hab kedua-dua produk.

"Dengan ada kursus jangka pendek penanaman buah tin diharap mendorong lebih ramai menanam buah syurga ini dan Daerah Kuala Langat menjadi destinasi edu (pendidikan)-agro pelancongan utama sempena Tahun Melawat Selangor 2025," katanya.